


**SOALAN LAZIM  
AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i (TIA-i)**

1. Apakah itu TIA-i?  
TIA-i ialah akaun pelaburan berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan (*Mudarabah*). *Mudarabah* ialah kontrak di antara Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) sebagai pemberi modal (*Rabbul Mal*) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) sebagai pengurus pelaburan / pengusaha (*Mudarib*).
2. Apakah kelebihan melabur dalam TIA-i?  
Matlamat TIA-i adalah untuk memberikan pulangan yang stabil dan konsisten mengikut tempoh masa pelaburan yang telah dipersetujui melalui aktiviti pelaburan yang berisiko rendah atau sederhana yang disasarkan untuk memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada akaun berjangka deposit biasa.
3. Apakah tempoh pelaburan yang ditawarkan untuk TIA-i?  
Tempoh pelaburan yang ditawarkan ialah 3, 6 dan 12 bulan.
4. Adakah TIA-i patuh Syariah?  
Ya, TIA-i adalah produk patuh Syariah yang tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). TIA-i juga merupakan produk di bawah pengawasan Jawatankuasa Syariah (SC) HLISB dan Bank Negara Malaysia (BNM) di mana TIA-i telah memperoleh kelulusan dari kedua-duanya.
5. Adakah selamat untuk melabur dalam TIA-i?  
TIA-i merupakan produk pelaburan berisiko rendah hingga sederhana.
6. Bagaimanakah dana tersebut akan dilaburkan?  
Dana tersebut akan dilaburkan dalam Pembiayaan Perumahan-i, Pembiayaan Peribadi-i dan Pembiayaan Perniagaan Berjangka-i milik HLISB.
7. Adakah TIA-i mempunyai amaun maksimum pelaburan?  
Tiada sebarang amaun maksimum pelaburan dikenakan bagi pelaburan berdasarkan kadar biasa. Walau bagaimanapun, sekiranya pelanggan melabur berdasarkan kadar promosi, amaun maksimum akan bergantung pada terma promosi tersebut.
8. Saya cuba meletakkan RM500,000 sebagai amaun pelaburan TIA-i namun transaksi tersebut gagal. Kenapakah ini berlaku?  
Hong Leong Connect mempunyai had maksimum sebanyak RM250,000 untuk satu transaksi. Oleh itu, anda boleh melabur melebihi RM250,000 dengan cara melakukan dua (2) atau lebih transaksi pada satu masa. Sebagai contoh, seorang pelabur boleh melabur RM500,000 dengan melakukan transaksi berjumlah RM250,000 dua kali berturut-turut.
9. Adakah TIA-i mempunyai tahap minimum pelaburan?  
RM500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) untuk kadar biasa. Untuk kadar promosi pula, amaun pelaburan minimum akan bergantung pada terma promosi tersebut.


10. Bolehkah saya melabur kurang daripada tahap minimum pelaburan?  
Tidak boleh.
11. Adakah TIA-i boleh diperbaharui secara automatik?  
Ya, terdapat dua pilihan yang boleh dipilih oleh IAH untuk melabur dalam TIA-i:
- I. Pembaharuan Secara Automatik:
- a) Pembaharuan modal sahaja (P) – Hanya amaun modal yang akan diperbaharui, Keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i / Akaun Simpanan-i (CASA-i) pelabur di Hong Leong Islamic Bank (HLISB) atau Akaun Semasa / Akaun Simpanan pelabur di Hong Leong Bank (HLB); atau
  - b) Pembaharuan modal dan keuntungan. – Kedua-duanya iaitu modal dan keuntungan akan diperbaharui.
- Setelah dana pelabur matang, kadar indikatif bagi pembaharuan seterusnya akan tertakluk kepada kadar indikatif semasa HLISB seperti yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk (“PDS”) yang berkuatkuasa pada waktu pembaharuan tersebut.
- II. Tanpa Pembaharuan Secara Automatik – Pelaburan akan matang pada tarikh Tempoh Matang yang ditetapkan. Modal serta keuntungan akan dikreditkan ke akaun CASA-i (HLISB)/CASA (HLB) pelabur.
12. Siapakah yang akan menguruskan dana pelaburan dalam TIA-i?  
Hong Leong Islamic Bank (HLISB).
13. Siapakah yang boleh melabur dalam TIA-i?  
Individu berusia 18 tahun ke atas dan perniagaan tunggal.
14. Bolehkah saya memberi arahan kepada Hong Leong Islamic Bank (HLISB) berkenaan pengendalian pelaburan TIA-i saya?  
Tidak, anda tidak boleh memberi sebarang arahan atau syarat kepada HLISB dalam pengendalian pelaburan anda kerana struktur produk ini telah ditentukan dari awal seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk (PDS).
15. Bagaimanakah saya boleh melabur dalam TIA-i?  
Anda hendaklah mempunyai Akaun Semasa-i / Akaun Simpanan-i (CASA-i) di Hong Leong Islamic Bank (HLISB) atau Akaun Semasa / Akaun Simpanan di Hong Leong Bank (HLB). Setelah memiliki salah satu akaun tersebut, anda boleh melabur dalam TIA-i melalui Hong Leong Connect dgn melayari laman web <https://s.hongleongconnect.my/>.
16. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk melabur dalam TIA-i melalui Hong Leong Connect?

**Ikut langkah-langkah ini untuk melanggan Akaun Pelaburan Berjangka-i**


Log masuk ke [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my)




Klik 'Apply' > 'Investment Account-i' > 'Create Account/New Subscription'




Lengkapkan bahagian 'Suitability Assessment' untuk menilai profil risiko anda



Pilih 'Term Investment Account-i' dan klik 'Subscribe'



Pilih 'Yes' daripada menu drop-down > masukkan butiran langganan dan klik 'Next'



Masukkan TAC dan klik 'Submit'. Simpan resit untuk rujukan.

17. Adakah saya boleh melabur dalam TIA-i di cawangan-cawangan bank?  
Tidak. Satu-satunya saluran pelaburan untuk TIA-i, termasuk langganan dan pengeluaran dana adalah melalui Hong Leong Connect.
18. Apakah pelayar yang boleh menyokong pautan Hong Leong Connect?  
Semua pelayar mampu mengakses platform Hong Leong Connect (Internet Explorer, Mozilla Firefox, Google Chrome, Safari, dsb.).
19. Adakah Hong Leong Connect mengenakan sebarang kos untuk mendaftar?  
Tiada fi atau caj yang dikenakan untuk mendaftar Hong Leong Connect.
20. Adakah terdapat sebarang fi dan caj yang dikenakan oleh TIA-i?  
Tiada.
21. Bolehkah saya mengeluarkan pelaburan saya dalam TIA-i sebelum mencapai tarikh matang?  
Kami tidak menggalakkan sebarang pengeluaran pramatang kerana TIA-i ialah pelaburan yang bertujuan untuk menjana pendapatan yang stabil dan bertempoh. Walau bagaimanapun, pengeluaran pramatang adalah dibenarkan, tetapi tiada keuntungan (jika ada) akan dibayar kepada Pelabur..
22. Bagaimanakah cara saya akan mendapat amaun keuntungan?  
Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i / Simpanan -i CASA-i Hong Leong Islamic Bank (HLISB) atau Akaun Semasa / Simpanan CASA Hong Leong Bank (HLB) berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Untuk maklumat lanjut tentang PSR, sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk (pautan).
23. Bilakah saya akan mendapat amaun keuntungan tersebut?  
Keuntungan yang dijana akan dikreditkan apabila sampai tempoh matang.

24. Adakah pulangan keuntungan TIA-i dijamin?  
Tidak, kadar pulangan untuk pelaburan dalam TIA-i adalah merupakan kadar keuntungan indikatif.
25. Adakah pengeluaran sebahagian daripada dana yang dilaburkan dibenarkan??  
Tidak.
26. Adakah TIA-i membenarkan akaun bersama?  
Tidak.
27. Adakah terdapat kemungkinan bahawa saya akan mengalami kerugian atau tidak memperoleh sebarang keuntungan melalui pelaburan TIA-i?  
Ya, ia boleh berlaku disebabkan oleh faktor-faktor seperti kegagalan pasaran secara menyeluruh, krisis kewangan/ekonomi, force majeure (seperti peperangan, bencana alam, dsb.) dan lain-lain faktor. Berlandaskan prinsip *Mudarabah*, pelabur akan menanggung sebarang kerugian kecuali dalam situasi kerugian tersebut berpunca daripada salah laku, kecuaiian dan pelanggaran terma tertentu oleh pihak Hong Leong Islamic Bank (HLISB).
28. Bagaimanakah cara untuk saya menutup akaun TIA-i?  
Log masuk dalam Hong Leong Connect dan keluarkan sepenuhnya jumlah pelaburan TIA-i anda. Sistem Hong Leong Connect kemudiannya akan menutup akaun TIA-i tersebut.
29. Adakah saya akan memperoleh penyata akaun untuk TIA-i?  
Ya. Penyata akaun dalam talian akan disediakan melalui Hong Leong Connect pada setiap minggu pertama setiap bulan.
30. Kenapakah saya perlu menjalani Penilaian Kesesuaian Pelabur atau *Investor Suitability Assessment* (ISA)?  
Penilaian Kesesuaian Pelabur digunakan untuk mengukur profil/citarasa risiko anda supaya Hong Leong Islamic Bank (HLISB) boleh memberi cadangan sekiranya sesuatu pelaburan tersebut tidak sepadan dengan profil risiko pelabur. Ini ditetapkan agar HLISB dapat memastikan anda sentiasa sedia maklum tentang risiko dalam membuat keputusan untuk melabur.
31. Bagaimanakah Penilaian Kesesuaian Pelabur (ISA) ini akan membantu saya dalam membuat keputusan pelaburan??  
ISA menilai anda daripada tiga (3) bidang penting:
- Kemampuan kewangan;
  - Keperluan dan citarasa pelaburan; dan
  - Pengetahuan dan pengalaman dalam pelaburan.
- Penilaian ini direka untuk mendapatkan pandangan yang paling tepat mengenai profil risiko anda. Walaubagaimanapun, ketepatan penilaian ini bergantung kepada betapa telusnyanya anda dalam menjawab setiap soalan.
32. Adakah TIA-i dilindungi bawah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?  
Produk ini tidak dilindungi oleh PIDM.